

22 AUG 2003

SULTAN BRUNEI BERANGKAT KE MAJLIS MAKAN MALAM

PUTRAJAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meraikan Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah pada jamuan malam di Seri Perdana, di sini.

Jamuan yang dianjurkan sempena lawatan kerja empat hari Sultan Hassanal Bolkiah ke Malaysia bermula semalam, turut dihadiri beberapa pegawai kanannya.

Baginda yang tiba pukul 3 petang semalam di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang, melawat negara ini sempena mesyuarat rundingan tahunan dengan Dr Mahathir.

Turut hadir pada jamuan itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood dan beberapa menteri kabinet.

-- BERNAMA
SSA HM RON